



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : MPU2012**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)	
BAHAGIAN B (40 Markah)	
BAHAGIAN C (20 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan entreprendre?
  - A. Risiko perniagaan
  - B. Merebut peluang
  - C. Memikul tugas atau mencuba
  - D. Kecekalan
2. Yang manakah antara berikut konsep keusahawanan menurut Islam?
  - A. Berupaya mengetuai sesuatu perniagaan atau industri
  - B. Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
  - C. Konsep keusahawanan yang luas merangkumi aspek kehidupan di dunia dan akhirat.
  - D. Berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah
3. "Perniagaan jualan Burger Bomm Razif semakin hari semakin merosot dan kurang mendapat sambutan pelanggan. Namun, Razif tidak mudah putus asa. Razif telah membuat inovasi baru pada produk burger beliau dan menambah baik produk jualannya sehingga berjaya".

Berdasarkan situasi di atas, apakah ciri-ciri usahawan yang dimiliki oleh Razif?

- A. Inisiatif
- B. Menggunakan strategi pengaruh
- C. Meyakinkan orang lain
- D. Ketegasan

4. Yang manakah antara berikut amalan yang beretika?.
- A. Peniaga yang menipu pelanggan menggunakan bahan yang kurang selamat untuk meraih keuntungan.
  - B. Usahawan yang sanggup menikam rakan dari belakang, mencuri maklumat dan berbohong demi menjatuhkan pesaing.
  - C. Membuang sisa pengeluaran yang berbahaya kepada alam sekitar dengan sewenangnya
  - D. Peniaga yang berusaha melayan pelanggan dan pengguna dengan jujur, tidak mengambil kesempatan terhadap kejahilan dan kelemahan manusia.
5. Yang manakah antara berikut adalah kesilapan yang banyak berlaku kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan?
- A. Pengurusan yang tidak cekap
  - B. Kekurangan pengalaman
  - C. Kawalan kewangan yang lemah
  - D. Tidak menilai pencapaian.
6. Pada tahap ini, usahawan cuba memahami masalah yang hendak diselesaikan dan ini dilakukan secara sedar, penuh usaha dan bersistem.

*Proses Kreativiti (Fogler and IeBlanc 1995)*

### Rajah 1

Berdasarkan Proses kreativiti di atas, yang manakah paling tepat?

- A. Inkubasi
- B. Persediaan
- C. Pengilhaman
- D. Verifikasi


7. Apakah yang dimaksudkan dengan kreativiti?
- Menukarkan peluang perniagaan ke dalam bentuk idea yang boleh dipasarkan
  - Penghasilan idea yang dapat meningkatkan keefisyen dan keberkesanan sesuatu sistem.
  - Eksplotasi perubahan dan bukanlah mencipta perubahan
  - Sentiasa mengikut perkembangan semasa.
8. Bagaimanakah untuk mewujudkan persekitaran yang kreatif?
- Berkomunikasi dengan individu dan kumpulan di luar organisasi.
  - Takut melakukan perkara yang tidak mengikut norma biasa
  - Mengamalkan budaya berkumpulan sendiri di tempat kerja.
  - Tidak bersedia menerima perubahan.
- 9.
- ✓ Moderator melontarkan soalan mudah
  - ✓ Buat kumpulan perbincangan 8-14 orang setiap kumpulan
  - ✓ Setiap ahli kumpulan membentangkan pendapat dan yang ahli lain akan memberi komen.

### Rajah 2

Berdasarkan kenyataan di atas, yang manakah kaedah jana idea kreatif yang paling tepat?

- Kumpulan fokus
- Percambahan fikiran
- Analisis masalah inventori
- Pengeraman dan wawasan

10.

**Rajah 3**

Berdasarkan Rajah 3 diatas, apakah X ?

- A. Peluang
- B. Pengguna
- C. Keperluan dan kehendak
- D. Pelanggan

11. Suzana ingin menubuhkan perniagaan milikan tunggal. Walaubagaimanapun, Suzana perlu berhadapan dengan perlbagai risiko perniagaan tersebut. Yang manakah antara berikut risiko tersebut?

- A. Sukar atau terhad untuk mendapatkan modal
- B. Keuntungan perlu dibahagikan
- C. Mudah berlaku salah faham
- D. Mudah diurus dan dikawal

12.

- Perniagaan yang dimiliki oleh 2 orang dan tidak melebihi 20 orang
- Keuntungan dan kerugian ditanggung bersama rakan kongsi
- Tidak wajib untuk menguruskan perniagaan secara sepenuh masa
- Sumbangan modal diperoleh daripada rakan-rakan

**Rajah 4**

Berdasarkan Rajah 4, yang manakah paling tepat merujuk kenyataan di atas?

- A. Perniagaan Milikan Tunggal
  - B. Perniagaan Perkongsian
  - C. Syarikat Sendirian Berhad
  - D. Syarikat Awam Berhad
13. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi memulakan perniagaan sendiri?
- I. Perniagaan baru yang belum ada di pasaran
  - II. Teknologi baru
  - III. Pemilihan lokasi yang baik
  - IV. Sumber manusia
- A. I dan II
  - B. I, dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III , dan IV
14. Yang manakah antara berikut alasan seseorang menjual sesbuah perniagaannya?
- A. Perniagaan tidak menguntungkan
  - B. Ingin mengembangkan perniagaannya
  - C. Ingin membuka cawangan baru
  - D. Tidak mahu menanggung kerugian

15. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?

- A. Perniagaan yang beroperasi mengikut lunas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan
- B. Perniagaan yang mempunyai lokasi yang strategi dan tumpuan orang ramai
- C. Ia adalah proses perkembangan idea untuk dijadikan aktiviti perniagaan yang menguntungkan.
- D. Sebuah perniagaan yang berupaya memantau tindakan pesaing.

16. Siapakah sasaran pembaca rancangan perniagaan?

- A. Institusi kewangan
- B. Pengguna
- C. Pesaing
- D. Peniaga

17. Kenyataan berikut, yang manakah **BENAR** mengenai definisi pemasaran?

- I. Sebagai satu aktiviti, rancangan dan proses mencipta, menyampai, menghantar dan menukar tawaran yang bernilai kepada pengguna.
  - II. Sebagai proses penciptaan nilai dan menjalinkan hubungan baik dengan pelanggan
  - III. Usaha pemasaran perlu berlandaskan keperluan, kehendak dan kepuasan pelanggan.
  - IV. Mekanisme bagi syarikat menjalankan perniagaan dalam dunia perniagaan yang kompleks dan mencabar.
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. I , II, III
  - D. I, II, III , IV

18. Yang manakah menunjukkan pengaruh demografi pembelian pelanggan yang dikenali sebagai maklumat demografi?

- A. Status
- B. Ego
- C. Jantina
- D. Keinginan

19. Apakah strategi barang yang paling utama dalam pemasaran?

- A. Jenama
- B. Rekabentuk produk
- C. Perbezaan barang
- D. Pembungkusan

20. Manakah di antara berikut merupakan elemen strategi pemasaran (4P)?

- I. *Product* (barang)
  - II. *Price* (Harga)
  - III. *Place* (Tempat edar)
  - IV. *Promotion* (Promosi)
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. I , II , III
  - D. I , II, III, IV

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEBELAS (11)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

1. Terangkan maksud ciri-ciri usahawan dibawah:
  - a) Melihat dan merebut peluang
  - b) Keyakinan diri(4markah)
2. Berikan definisi usahawan?(3markah)
3. Nyatakan **TIGA (3)** kepentingan etika pernigaan?(3markah)
4. Nyatakan **EMPAT (4)** halangan kepada kreativiti?(4markah)
5. Jelaskan **DUA (2)** kaedah untuk menjana idea kreatif?(4markah)
6. Jelaskan bagaimanakah jenis inovasi secara duplikasi terjadi?(4markah)
7. Apakah maksud peluang. Nyatakan **DUA (2)** faktor menyumbang kepada peluang perniagaan?(3markah)
8. Berikan perbezaan di antara faktor persekitaran dalaman dan faktor persekitaran luaran?(3markah)
9. Bandingkan bentuk perniagaan milikan tunggal dengan perniagaan perkongsian?(4markah)

10. Huraikan mengapa institusi kewangan memerlukan rancangan perniagaan seseorang usahawan sebelum membuat kelulusan pinjaman kewangan mereka?

(4markah)

11. Huraikan perbandingan di antara penjualan melalui peruncit dan pemberong?

(4markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Kreativiti ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk membangunkan idea-idea yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengeksplorasi peluang. Inovasi pula merujuk kepada aplikasi kreativiti yang membangunkan satu konsep produk, perkhidmatan baru atau proses menyampaikan sesuatu yang baru dan lebih baik untuk masyarakat.

- a) Adakah kreativiti berkaitan dengan inovasi?. Jika Ya, bagaimana mereka berkaitan? (4 markah)
  
- b) Pada pendapat anda, apakah pekerjaan yang memerlukan kreativiti? (4 markah)

**SOALAN 2**

[Syahrul adalah seorang chef yang profesional yang membuat keputusan untuk memulakan perniagaan sendiri selepas dia menamatkan pengajian pada tahun 2009. Perniagaan Syahrul telah ditubuhkan sebagai pemilikan tunggal pada tahun 2008 dan pada tahun 2010 dia perlu mendaftar perniagaannya dengan lebih formal bagi mengembangkan perniagaannya. Perniagaannya tertumpu kepada peruncitan peralatan pinggan mangkuk dan produk makanan segera.

Pasaran teras bagi barang beliau adalah suri rumah dan individu yang bekerja dan tinggal di bandar-bandar utama Kuala Lumpur. Beliau merancang untuk mengadakan strategi pengedaran yang komprehensif dengan mengedarkan barang melalui kedai sendiri. Beliau telah merancang untuk membuka kedai baru dalam tempoh tiga tahun akan datang di bandar-bandar seperti Johor Bahru, Kuantan dan Ipoh]

Kenalpasti dan berikan perbincangan yang komprehensif pada setiap aspek – aspek berikut.

- a) Banyak kriteria kritikal yang perlu dipertimbangkan sebelum menentukan samada idea perniagaan adalah peluang pelaburan yang baik. Analisa **TIGA (3)** langkah bagi memulakan perniagaan baru untuk kedai Syahrul?  
(6markah)
- b) Nyatakan **TIGA (3)** kelebihan dan **TIGA (3)** kelemahan memulakan perniagaan sendiri?  
(6 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

